

Kempen RM2 untuk Tabung Ihyar Ramadan

Kuantan, 17 Mei – Universiti Malaysia Pahang (UMP) melancarkan Tabung Ihyar Ramadan bersempena meraikan kedatangan bulan Ramadan yang bakal menjelang tidak lama lagi. Ketibaan bulan Ramadan al-Mubarak semakin dirasai sebaik sahaja bulan Rejab dan Syaaban menjelma tiba.

Pusat Islam dan Pembangunan Insan (PIMPIN) telahpun menyusun pelbagai program dan aktiviti untuk memeriahkan ketibaan Ramadan tahun ini dengan penganjuran Festival Ramadhan yang merupakan program tahunan PIMPIN yang sering dinanti selain aktiviti Sahur, Iftar Jamaie dan Moreh yang menjadi amalan universiti..

Pengarah PIMPIN, Dr. Mahyuddin Ismail mengajak seluruh warga kampus untuk menjayakan program dan aktiviti yang dirancang bagi mengimarahkan bulan yang mulia ini yang antaranya termasuklah Kayuhan Mesra Rakyat, Bubur Lambuk bersama Komuniti Kuala Pahang, Anda Tanya Ustaz Jawab: "Ramadhan? Wow!" dan program kemanusiaan seperti Jejak Asnaf dan Singgah Sahur @SOGO.



"Dalam mengajak masyarakat kampus membudayakan amalan menderma, Kempen RM 2 untuk Tabung Ihyar Ramadan hasil sumbangan dan tajaan daripada seluruh warga kampus walaupun sedikit amat bermakna buat pelajar dan insan yang memerlukan bantuan pada bulan yang mulia," katanya.

Menurut beliau, warga universiti boleh menghulurkan sumbangan melalui Tabung Ihyar Ramadan melalui potongan gaji, kutipan melalui jabatan ataupun tabung di masjid bagi aktiviti sempena bulan Ramadan yang khusus bagi penajaan aktiviti berbuka puasa kepada pelajar UMP yang kurang berkemampuan juga membantu insan lain yang memerlukan.

Majlis menyaksikan Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim menyampaikan sumbangan MyGift sebanyak RM90,000.00 kepada pihak PIMPIN sebagai penyediaan jamuan makan sepanjang bulan Ramadhan kali ini.



Dalam majlis yang sama turut berlangsung forum sambutan Israk dan Mikraj untuk menghayati peritiswa Israk dan Mikraj Nabi Muhammad S.A.W dan rahsiannya serta memberi kesedaran dan memupuk perasan kasih dan cinta kepada junjungan besar Nabi Muhammad.

Panel jemputan terdiri daripada pensyarah Pusat Bahasa Moden dan sains Kemanusiaan (PBMSK), Ustaz Ahmad Irfan Ikmal Hisyam dan Ustaz Shahril Ahmad serta Ustaz Azlan Abdul Rahman dari Jabatan Agama Islam Pahang. Perkongsian panel mengenai pengertian Israk dan Mikraj membantu pemahaman yang lebih kepada para hadirin.

UMP mengalu-alukan sumbangan daripada semua pihak termasuk warga UMP, pelajar, alumni dan individu serta badan-badan korporat sama ada di dalam mahu pun luar negara dalam menyokong pembudayaan menderma demi memakmurkan ilmu pendidikan di UMP ini dengan melayari laman web UMP <http://www.ump.edu.my>.



Disediakan Nor Fadzillah Zulkipli dan suntingan Bahagian Komunikasi Korporat.

Posted By : NORHIDAYAH BINTI MOHAMAD Date Posted : 26-05-2016, 17:21:54